Fairchild menang anugerah cemerlang Bunga Raya PM

UM 5 MAR 2002

KUALA LUMPUR 4 Mac — Fairchild Semiconductor (Malaysia) Sdn. Bhd., telah dianugerahkan Anugerah Cemerlang Bunga Raya Perdana Menteri 2001/02 kerana kejayaan terbaiknya dalam pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar.

Selain Fairchild, 15 buah syarikat tempatan lain dari seluruh Malaysia telah menerima anugerah dan penghargaan dalam kategori berbeza sebagai mengiktiraf sumbangan dan usaha mereka memelihara alam sekitar.

Anugerah Cemerlang Bunga Raya dilancarkan pada 1996 bagi memberi peluang kepada masyarakat perdagangan untuk menilai komitmen mereka terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Ia juga bertujuan untuk mengiktiraf organisasi yang membantu dan menyumbang kepada proses pemuliharaan alam sekitar dan untuk diteladani bersama oleh yang lain.

Anugerah yang dibahagikan dalam tiga kategori iaitu cemerlang, luar biasa dan penghargaan itu berjaya meningkatkan penyertaan untuk tahun ini kepada 34 buah syarikat.

Pemberian anugerah itu merupakan usaha sama empat buah pertubuhan swasta yang terdiri daripada Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI).

Dua yang lain ialah Environmental Management and Research Association of Malaysia (Ensearch) dan Majlis Perniagaan Pembangunan Malaysia (BCSDM).

Turut hadir menyampaikan anugerah berkenaan ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Presiden BCSDM, Datuk Kok Wee Kiat.